



ALLIANCE BANK

ALLIANCE ISLAMIC BANK

Kempen Akaun/-i Alliance SavePlus X Boost

Terma dan Syarat

1. **"Kempen Akaun/-i Alliance SavePlus x Boost"** ("Kempen") yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad ("Bank") akan berlangsung mulai **20 Oktober 2023 to 31 Januari 2024**; termasuk kedua-dua tarikh tersebut, kecuali sekiranya dinyatakan sebaliknya ("Tempoh Kempen").
2. Dengan menyertai Kempen ini, "Pelanggan yang Layak" (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan dan menerima segala Terma dan Syarat tersebut.
3. Pelanggan Baharu dan Pelanggan Sedia Ada yang memenuhi syarat-syarat yang terkandung di sini dirujuk secara kolektif sebagai **"Pelanggan yang Layak"**
 - a) Individu berumur lapan belas (18) tahun ke atas; dan
 - b) Tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i ("CASA/-i") termasuklah Akaun SaveLink, Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham dengan Bank dalam tempoh 12 bulan yang lalu sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen; dan
 - c) Berjaya membuka Akaun Alliance SavePlus/-i dalam Tempoh Kempen.
4. Walaupun memenuhi syarat di atas, individu berikut adalah **tidak** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank adalah berstatus dormant atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank, yang menurut dasar Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - c) Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank menurut dasar dalamannya; atau
 - d) Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Alliance Bank (termasuklah subsidiari dan syarikat yang berkaitan); atau
 - e) Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work.
5. Hanya pelanggan Boost yang berdaftar sahaja layak untuk menyertai Kempen ini. Pelanggan yang Layak perlu memastikan bahawa **nombor telefon bimbit yang didaftarkan di bawah Akaun Boost adalah sama dengan nombor telefon bimbit yang didaftarkan bagi pembukaan Akaun yang Layak**. Ganjaran akan dikreditkan kepada nombor telefon bimbit yang sama dengan yang terdapat dalam rekod Bank. Ganjaran akan ditarik balik sekiranya Pelanggan yang Layak tidak lagi memegang akaun Boost tersebut menjelang tempoh penunaian.
6. Untuk layak mendapat ganjaran masing-masing seperti yang ditetapkan dalam **Jadual A dan/atau Jadual B dan/atau Jadual C** di bawah ("Ganjaran"), Pelanggan Layak mesti **memohon Akaun Alliance SavePlus/-i ("Akaun Layak") melalui aplikasi mudah alih allianceonline, proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik ("eKYC") dengan menggunakan kod jemputan "BOOST"** semasa Tempoh Kempen, membuka dan mengaktifkan akses mudah alih allianceonline ("AOM") dalam tempoh 30 hari dari bulan permohonan akaun dan memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Jadual A: Ganjaran Daftar

No.	Kriteria Yang Layak	Ganjaran A
1	Mohon Akaun SavePlus/-i melalui eKYC dengan kod jemputan "BOOST" , aktifkan akses mudah alih allianceonline ("AOM") dan kekalkan deposit minimum RM50 pada akhir bulan pembukaan akaun.	Kredit Boost bernilai RM50

Jadual B: Simpan Lebih & Dapatkan sehingga 33,000 Boost Stars

No.	Kriteria Yang Layak	Ganjaran B
1	Mohon Akaun SavePlus/-i melalui eKYC dengan kod jemputan "BOOST" , aktifkan AOM dan kekalkan deposit minimum RM2,500 pada akhir bulan pembukaan akaun; ATAU	13,000 Bintang Boost

2	Mohon Akaun SavePlus/-i melalui eKYC dengan kod jemputan “BOOST” , aktifkan AOM dan kekalkan deposit minimum RM10,000 pada akhir bulan pembukaan akaun.	33,000 Bintang Boost
---	---	----------------------------

Table C: Ganjaran Daftar dan Menang

No.	Kriteria Yang Layak	Ganjaran C
1	- Mohon Akaun SavePlus/-i melalui eKYC dengan kod jemputan “BOOST”, berjaya membuka dan mengaktifkan AOM dalam tempoh 30 hari dari bulan permohonan akaun dan mengekalkan deposit minimum RM50 pada akhir pembukaan akaun bulan - 10 penyertaan - Mohon dan aktifkan kad debit/-i baharu – 20 penyertaan - Lakukan transaksi kad debit/-i dengan minimum RM30 – 2 penyertaan bagi setiap transaksi - Lakukan transaksi berulang/autodebit melalui kad debit/-i dengan minimum RM50 – 5 penyertaan bagi setiap transaksi - Bayar melalui DuitNow QR yang dipautkan dengan Akaun Layak dengan minimum RM30 -2 penyertaan setiap transaksi - Setiap RM500 Purata Baki Bulanan (“MAB”) dalam Akaun Layak – 5 penyertaan	Hadiah Utama Sony X75K 65-inch 4K Ultra HD Google TV (1 pemenang) Hadiah Kedua 1,000,000 Bintang Boost bernilai RM2,500 (2 pemenang)

7. Bilangan penyertaan yang diperolehi untuk Jadual C hendaklah berdasarkan Bulan Penyertaan seperti Jadual D di bawah.

Jadual D: Bulan Penyertaan

Tarikh	Bulan Penyertaan
20 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023	Oktober
1 November 2023 – 30 November 2023	November
1 Disember 2023 – 31 Disember 2023	Disember
1 Januari 2024 – 31 Januari 2024	Januari
1 Februari 2024 – 29 Februari 2024	Februari

8. Baki Purata Bulanan (“MAB”) merupakan jumlah baki harian bagi Bulan Penyertaan dibahagikan dengan bilangan hari dalam Bulan Penyertaan tersebut. Sekiranya Akaun yang Layak dibuka dalam Bulan Penyertaan, MAB bagi Bulan Penyertaan tersebut adalah jumlah baki harian setiap hari dalam Bulan Penyertaan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari bermula dari tarikh pembukaan Akaun yang Layak.
9. Akaun dan Kad Debit/-i yang Layak yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak mestilah sah dan aktif (tidak ditutup atau ditamatkan) sebagaimana ketetapan Bank menurut dasar dalaman Bank, supaya layak untuk mengambil bahagian semasa dan selepas Tempoh Kempen untuk memperoleh Ganjaran. Sekiranya dalam Tempoh Kempen dan Tempoh Penunaian, Pelanggan yang Layak menutup Akaun yang Layak atas apa juga sebab, penyertaannya dalam Kempen ini akan terbatal dan menjadi tidak sah dengan serta-merta.
10. Penyertaan bagi Pengaktifan dan/atau transaksi Kad Debit/-i adalah terbuka kepada pelanggan berikut (“Pelanggan yang Layak”):
- Memegang Kad Debit/-i Alliance Bank yang dipautkan kepada Akaun yang Layak yang baru dibuka di bawah Kempen ini. Kad Debit/-i dan Akaun yang Layak mestilah sah dan aktif, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank; dan
 - Mengaktifkan Kad Debit/-i dalam pada atau sebelum 15 Februari 2024. Setiap

Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat satu (1) kali penyertaan sahaja untuk Pengaktifan Kad Debit/-i. Sekiranya atas apa juga sebab Pelanggan yang Layak mengaktifkan beberapa Kad Debit/-i dalam Tempoh Kempen, hanya Kad Debit/-i pertama yang diaktifkan dalam Tempoh Kempen sahaja yang layak untuk penyertaan; atau

- c. Menggunakan Kad Debit/-i baharu menurut Kriteria Kempen dalam **Jadual C**.

11. Penyertaan bagi pembayaran melalui DuitNow QR adalah terbuka kepada pelanggan berikut ("Pelanggan yang Layak"):

- a. Mempunyai Akaun yang Layak yang dibuka di bawah Kempen ini dengan akses AOM; dan
- b. Sentuh pada ikon DuitNow QR pada skrin pertama AOM untuk membuat pembayaran kepada kedai atau penjual. Setiap pembayaran DuitNow QR yang berjaya dibuat yang direkodkan oleh Bank akan dikenal pasti sebagai transaksi DuitNow QR.

12. Transaksi Kad Debit/-i yang Layak adalah **TIDAK TERMASUK** yang berikut:

- i. Amaun transaksi yang kemudiannya dibatalkan, menjadi tidak sah atau dibalikkan pada bila-bila masa;
- ii. Transaksi Kuasi Tunai (Contoh: Transaksi Pertaruhan, Perjudian) di bawah MCC 7995;
- iii. MOTO (Transaksi tanpa Kad) di Amerika Syarikat;
- iv. Bayaran yang dibuat kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial di bawah MCC 8398;
- v. Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah ketetapan MCC seperti berikut:

Kod MCC	Huraian
9211	Kos mahkamah termasuk Alimoni dan Anak
9222	Denda
9223	Pembayaran Jaminan dan Bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan Kerajaan
9402	Perkhidmatan pos – Kerajaan sahaja
9405	Pembelian Intra-Kerajaan – Kerajaan sahaja

- vi. Transaksi lain yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

13. Peletakan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan, dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Jika Ganjaran tidak dikreditkan kepada Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak disebabkan oleh peruntukan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemeroleh, sila ambil perhatian bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.

14. Semua Transaksi Kad Debit/-i dan/atau DuitNow QR yang Layak mesti disertakan dengan tarikh hantaran (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicaj kepada Akaun yang Mengambil Bahagian yang dipautkan menurut rekod Bank) dalam Tempoh Kempen. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar kepada sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkannya mendapat Ganjaran. Segala Transaksi yang Diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat semua Pelanggan yang Layak. Sila ambil perhatian bahawa terdapat kemungkinan transaksi dihantar oleh saudagar sehingga 30 hari selepas tarikh transaksi. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kelewatan hantaran tersebut. Sebarang amaun transaksi yang tidak dihantar dalam bulan yang sama dengan transaksi tidak akan diagregatkan bagi bulan tersebut, contohnya: sekiranya transaksi dibuat pada 31 October 2023 tetapi tarikh hantaran amaun transaksi adalah pada 1 November 2023, transaksi tersebut akan diagregatkan untuk bulan November 2023 dan bukannya Oktober 2023.

15. **Ganjaran A dan/atau Ganjaran B** akan dikreditkan ke dalam Akaun Boost Pelanggan yang Layak dalam tempoh enam (6) minggu selepas bulan pembukaan Akaun Layak.
16. Penunaian **Ganjaran C** akan dilaksanakan dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Hadiah Utama akan dihantar ke alamat surat mel berdaftar Pelanggan Layak dengan Bank manakala Hadiah Kedua akan dikreditkan ke dalam Akaun Boost Pelanggan Layak.
17. Proses pemilihan pemenang Ganjaran C adalah seperti berikut:
 - a. Setelah memenuhi kriteria syarat kelayakan, Pelanggan yang Layak akan disenarai pendek secara dalaman melalui cabutan 'Pilihan Secara Rawak' yang dijana oleh komputer dengan meletakkan nombor rawak pada senarai Pelanggan yang Layak.
 - b. Pelanggan yang Layak yang disenarai pendek tersebut akan dihubungi oleh Bank pada bila-bila masa dalam waktu pejabat. Semua pemenang yang disenarai pendek akan dikehendaki mengesahkan identiti mereka dan kemudiannya menjawab satu soalan mudah berkaitan dengan Kempen ini untuk mendapatkan Ganjaran. Pelanggan yang Layak yang telah disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang sekiranya pelanggan tersebut dapat mengesahkan identiti dan menjawab soalan dengan betul ("Pemenang").
 - c. Pelanggan yang Layak yang gagal menjawab soalan dengan betul atau tidak menjawab panggilan Bank akan tersingkir dan Bank akan membuat cabutan untuk pemenang yang seterusnya.
18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju maklumat peribadi mereka dikongsi dengan vendor penunaian dan rakan Kempen, Boost (Axiata Digital eCode Sdn Bhd) untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat tersebut bagi tujuan Kempen ini, tanpa sebarang bayaran.
19. Semua pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon atau dengan menyiarkan senarai pemenang pada laman web Bank.
20. Bank dan/atau Boost mungkin mendedahkan atau menyiarkan nama pemenang dan 4 digit terakhir nombor pengenalan mereka pada bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini.
21. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh mendapatkan ganjaran sekali (1 kali) sahaja. Sekiranya atas apa juga sebab Pelanggan yang Layak mempunyai beberapa Akaun yang Layak, iaitu yang layak untuk mendapat Ganjaran, hanya SATU (1) akaun sahaja akan diberi ganjaran.
22. Bagi Pelanggan yang Layak yang merupakan pemegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun tersebut akan dianggap sebagai satu akaun sahaja menurut nama pemegang akaun utama. Bagi pemegang akaun bersama, Ganjaran akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.
23. Sekiranya Pelanggan yang Layak telah mengambil bahagian dalam pelbagai kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan yang Layak hanya boleh mendapatkan Ganjaran di bawah salah satu daripada penyertaan kempen atau promosi tersebut. Bank berhak memutuskan kempen atau promosi mana yang terpakai untuk Pelanggan yang Layak berkenaan.
24. Boost Stars adalah sah untuk dua belas (12) bulan dari tarikh terbitannya. Sekiranya Boost Stars tidak digunakan sepenuhnya sebelum tarikh luput, Boost Stars akan luput dan akan terbatal secara automatik tanpa notis terlebih dahulu dan pelanggan tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dan Boost.

25. Penggunaan Boost Stars adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Boost / Shopee di <https://www.myboost.com.my/terms/feature-terms-and-conditions> yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
26. Ganjaran tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, cek, dan kredit atau barangan. Keputusan Bank berkenaan segala perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.
27. Bagi sebarang transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan, menjadi batal atau dibalikkan dalam bulan kalendar yang sama, pelarasan yang berkenaan akan dibuat. Sekiranya pelarasan tidak dibuat, Alliance Bank berhak mendapatkan balik amaun Ganjaran yang telah dikreditkan.
28. Bank berhak mengubah jangka masa dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu di laman web Alliance Bank.
29. Bank tidak akan bertanggungjawab atas tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh penunaian yang disebabkan oleh maklumat yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak adalah tidak tepat atau tidak lengkap. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan adalah tepat supaya tuntutan boleh diproses. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kesesakan trafik atau ketidakbolehcapaian internet di laman web Alliance Bank dan Boost.
30. Pelanggan yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan dalam penyediaan dokumentasi dan maklumat menurut Terma dan Syarat Kempen ini akan mengakibatkan Pelanggan yang Layak hilang kelayakan untuk mendapatkan Ganjaran tanpa sebarang liabiliti yang perlu ditanggung oleh Bank.
31. Tanpa mengira yang tersebut di atas, Bank berhak menurut budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan Hadiah yang mempunyai nilai yang sama sekiranya Hadiah tersebut ditarik balik, dihentikan atau tidak lagi disimpan oleh saudagar dan/atau pengedar, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa dan/atau untuk meningkatkan atau mengurangkan jumlah Hadiah.
32. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj berhubung dengan mana-mana Ganjaran tersebut. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang timbul daripada mana-mana Ganjaran dan/atau penunaian yang tidak dibuat oleh mana-mana ejen/pembekal/pengedarnya.
33. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang Layak sekiranya Ganjaran digunakan oleh mana-mana individu tanpa kebenaran Pelanggan yang Layak.
34. Terma dan Syarat tersebut adalah tambahan kepada dan tidak akan menjejaskan salah satu atau lebih terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal atur pengoperasian dan/atau pengendalian Akaun yang Layak atau sebaliknya.
35. Pelanggan yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberikan kerjasama dan mengakuri permintaan Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Kempen ini.

36. Bank berhak untuk menyingkirkan mana-mana Pelanggan yang Layak atau membatalkan Ganjaran sekiranya didapati berlaku transaksi yang melibatkan penipuan, yang dibuat tanpa kebenaran atau berlaku pembalikan transaksi atau terdapat pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar Bank. Segala rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
37. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu, dan dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak telah bersetuju sepenuhnya dan menerima penambahan, pengeluaran, pengubahan dan/atau pindaan tersebut. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat yang dikemas kini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak konsisten antara Terma di bawah ini dan versi yang dikemas kini, versi yang terkini akan diguna pakai, tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten sahaja.
38. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dihadapi, dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.
39. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas, atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh tindakan Pelanggan yang Layak itu sendiri yang berpunca dari Kempen ini.
40. Segala Terma dan Syarat termasuklah sebarang penambahan, pengeluaran, pengubahan dan/atau pindaan yang dibuat terhadapnya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.
41. Pelanggan yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan Bank menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan semasa dan untuk masa akan datang dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
42. Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan membenarkan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan yang Layak (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada ahli gabungan dan penyedia perkhidmatan sebagaimana perlu, bagi tujuan menyelenggarakan dan melaksanakan perkhidmatan dalam Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi segala data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk segala data yang telah anda dedahkan.
43. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah

membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.

44. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
45. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dan Penipuan Perbankan

46. Bank boleh dari semasa ke semasa menyediakan kemas kini atau kandungan terkini untuk mendidik Pelanggan dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan penipuan. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada petua keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.
47. Pelanggan hendaklah menyimpan dalam jagaan selamat semua instrumen perbankan, contohnya buku cek/keluar cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta apabila Pelanggan menyedari bahawa mana-mana perkara di atas hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat daripada transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang disebutkan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, dikompromi atau dilanggar.
48. Jika sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kecuriaan yang disengajakan oleh Bank, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi jumlah daripada urus niaga yang menimbulkan tuntutan atau tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan bertanggungjawab atau sebarang kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau muhibah, kehilangan data, kerosakan tidak langsung, berbangkit, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau kerosakan tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh diramalkan secara munasabah oleh Bank.

49. Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan tentang kejadian tersebut, Bank hendaklah menjalankan siasatan dan Pelanggan dikehendaki memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi untuk memudahkan penyiasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah berikut setelah dikesan (dengan/tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pelanggan) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank menjalankan penyiasatannya:
- i. Gantung atau bekukan akaun yang terjejas;
 - ii. Batalkan atau tetapkan semula akses internet atau perbankan mudah alih Pelanggan; dan/atau
 - iii. Membatalkan kesahihan instrumen perbankan;

dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas telah dikendalikan.

Nota:

Akaun Alliance SavePlus/-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi kewangan.

Akaun Alliance SavePlus-i adalah berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq.